

31 pakej diagih

MRT Corp umum pemberian projek bernilai RM13.8 bilion

>>Oleh Helmy Abd Rahman

helmy@hmetro.com.my

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan pemberian 31 daripada 85 pakej kerja My Rapid Transit (MRT) yang membabitkan nilai RM13.8 bilion.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awamnya, Amir Mahmood Razak berkata, kebanyakan syarikat terbabit sudah memulakan sebahagian daripada projek yang diberikan.

“Sebanyak 23 pakej kerja sedang dinilai, manakala 31 lagi belum ditawarkan. Kami menjangkakan pakej selebihnya akan dianugerahkan sebelum hujung tahun,” katanya pada satu taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, Sunway Construction Sdn Bhd sudah memulakan kerja dalam



KOLABORASI
...Amir Mahmood (kiri) bersama wakil syarikat yang menerima projek kerja MRT, semalam.

pakej kerja jejambat MRT (V4) bernilai RM1.17 bilion untuk membina landasan MRT membabitkan laluan Sungai Buloh dan Kajang.

“Pakej kerja V4 dianugerahkan awal Mei lalu dan dijangka siap pada suku pertama 2016. Sunway Construction akan membina je-

jambat sepanjang 6.6 kilometer dengan tiga stesen dalam laluan berkenaan iaitu Seksyen 16, Pusat Bandar Damansara dan Semantan selain sebuah stesen sementara di Bukit Kiara.

“Bagi meminimumkan gangguan dan mengekalkan kedamaian berterusan di ka-

wasan kejiranan terbabit, satu pelan pengurusan lalu lintas dengan talian hotline dan Pasukan Tindakan Kecemasan akan diwujudkan,” katanya.

Menurutnya, V4 adalah satu daripada lapan pakej kerja jejambat terbesar yang ditawarkan MRT Corp.